



جائزہ کیلئے شریعتی کورٹوں کو وضع

KETUA HAKIM SYARIE

No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang

Tel: 04-828 2727 / 827 8586 / 827 1875 ; Faks: 04-829 6427

Laman Web: <http://www.penang.gov.my/jabatan/Mah.Syariah/index.html>



Rujukan kami : JKS/PP/100/ 3-19(83)

Tarikh : 23 September 2013

18 Zulkaedah 1434H

Yang Arif Hakim– Hakim Mahkamah Tinggi Syariah

Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah

Tuan Ketua Pendaftar / & Pendaftar

Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / & Tuan/ Puan,

PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 7 TAHUN 2013

PENGAMBILAN DEPOSIT/ JAMINAN BAGI KES RAYUAN SYARIAH

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim, dan Pendaftar kepada keputusan Mesyuarat Hakim-Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang Bilangan 5 Tahun 2012 pada 26 Disember 2012 telah bersetuju dan memutuskan berdasarkan *Seksyen 139 (7) (a)&(b) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004*, Mahkamah Syariah hendaklah mengambil deposit/ jaminan bagi kes-kes rayuan *Mal*. Oleh itu bagi melaksanakan tujuan ini:-

- 1) Deposit bagi kes rayuan:-
 - a) Daripada Mahkamah Rendah Syariah ke Mahkamah Tinggi (Rayuan) Syariah adalah sebanyak RM 500.00; dan
 - b) Daripada Mahkamah Tinggi Syariah ke Mahkamah Rayuan Syariah adalah sebanyak RM 1,000.00.
- 2) Deposit ini hendaklah didepositkan oleh perayu semasa notis rayuan difailkan di Mahkamah yang dirayu;



SIRIM
ISIRIM MALAYSIA
ISIRIM GUIDE 82 : 1996
Accreditation No :
QS 9215199 CB 01

NO. PENDAFTARAN: AR 3103


- 3) Sekiranya perayu gagal mematuhi mana-mana peruntukan *bahagian XVII-Rayuan, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004*, Pendaftar hendaklah menggunakan *Arahan Amalan No.12 Tahun 2004* iaitu *Tatacara Penolakan Kes Rayuan Mal Yang Tidak Mengikut Aturan*;
- 4) Setelah tatacara seperti dalam *Arahan Amalan No.12 Tahun 2004* dipenuhi dan setelah mendapat Perintah Mahkamah mengenai wang deposit tersebut, Pendaftar hendaklah menjalankan Perintah tersebut;
- 5) Sekiranya Perayu mematuhi mana-mana *bahagian XVII-Rayuan, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004* dan rayuan tersebut telah dibereskan oleh mana-mana Mahkamah Rayuan, Deposit rayuan hendaklah dikembalikan semula kepada perayu.

Arahan ini berkuatkuasa mulai 23 September 2013.

Sekian, terima kasih.

“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”
“SYARIAH ASAS KeadILAN”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN)

Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang